

PEMULIHARAAN ALAT JERAT HAIWAN ORANG ASLI SUKU SEMAI DI GOMBAK, SELANGOR

NORDIANA BINTI MOSUM
Universiti Kebangsaan Malaysia
P145364@siswa.ukm.edu.my

*MOHD YUSZAIDY MOHD YUSOFF**
Universiti Kebangsaan Malaysia
yuszaidy@ukm.edu.my

MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH
Universiti Kebangsaan Malaysia
muammar@ukm.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan mengenai pemuliharaan alat jerat haiwan bagi masyarakat Orang Asli suku Semai di Gombak, Selangor. Seiring dengan kemajuan pemodenan tanpa disedari telah menghakis praktis dan pelestariannya. Kegiatan memburu haiwan merupakan salah satu aktiviti mencari hasil hutan dalam kalangan masyarakat Orang Asli bagi tujuan kelangsungan hidup. Masyarakat Orang Asli mempunyai alat jerat yang digunakan untuk memerangkap haiwan. Namun begitu, peredaran masa tanpa sedar telah menyebabkan penggunaan alat jerat untuk memerangkap haiwan semakin kurang diberikan perhatian. Objektif kajian ini bertujuan untuk menganalisis mengenai kaedah pemuliharaan alat jerat haiwan masyarakat Orang Asli suku Semai dalam usaha untuk mengekalkan produk budaya tersebut. Bersandarkan keperluan kajian ini, konsep pemuliharaan dijadikan panduan untuk mencapai objektif kajian. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bersifat etnografi. Pendekatan ini menggunakan kaedah kajian lapangan terdiri daripada pemerhatian, ikut serta dan temu bual dijalankan selama dua hari di Gombak, Selangor bersama informan. Informan terdiri daripada individu yang arif berkaitan alat jerat haiwan masyarakat Orang Asli. Kajian ini juga disokong oleh data-data sekunder daripada kajian perpustakaan. Proses analisis data menggunakan teknik tematik. Hasil dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa alat jerat haiwan masyarakat Orang Asli mengalami kepupusan dan kehilangan. Senario ini, membuktikan bahawa alat jerat mesti dipertahankan untuk mengangkat kearifan tempatan Orang Asli. Sumbangan kajian ini sangat penting dengan menjadikan alat jerat haiwan suku Semai sebagai pengetahuan baharu kepada generasi muda terutamanya mereka yang lahir dari luar dunia kehidupan masyarakat orang Asli. Kajian ini juga berupaya membuktikan kearifan tempatan Orang Asli dalam mempertahankan khazanah warisan mereka.

Kata Kunci: Orang Asli; suku Semai; alat jerat; haiwan; perlindungan; kearifan

THE CONSERVATION OF ANIMAL TRAPS BY THE NATIVE OF SEMAI TRIBE IN GOMBAK, SELANGOR

ABSTRACT

This paper discusses the conservation for animal trapping tools of the Orang Asli (native) community of the Semai tribe in Gombak, Selangor. Along with the progression of modernization it has unknowingly diminish the practice and preservation. Hunting animals is one of the activities of scavenging for forest produce among the Orang Asli community for the purpose of survival. The Orang Asli community possesses snares which are used to trap animals. However, the passage of time inadvertently caused the use of snares to trap animals to be marginalized. The objective of this study is to analyse the conservation methods of animal snaring tools of the Orang Asli community of the Semai tribe in an effort to preserve their cultural product. Based on the requirements of this research, the concept of conservation were adopted as a guide to achieve the objective of the research. The methodology applied in this research are a qualitative approach which are an ethnographical in nature. This approach uses method of field research consist of observation, participation and interviews with the informant for two days in Gombak, Selangor. The informants are those who are knowledgeable about the animal trapping tools of the Orang Asli community. This research is also supported by secondary data from library studies. The data analysis process uses thematic techniques. The findings of this research clearly indicates that the animal traps of the Orang Asli community is facing an extinction and loss. This scenario proves that the traps must be maintained in order to uphold the wisdom of the Orang Asli locals. The contribution of this research is important to show that animal traps of the Semai tribe as a new knowledge for the younger generation especially those who were born outside of the Orang Asli community. This research also able to show the wisdom of the Orang Asli in conserving their treasured heritage.

Keywords: Orang Asli; Semai tribe; traps; animal; conservation; expertise

PENGENALAN

Orang Asli mengikut seksyen 3, Akta Orang Asli (1954) menjelaskan bahawa Orang Asli merupakan individu yang mengamalkan cara hidup, budaya, adat dan bahasa Orang Asli. Catatan dalam Perkara 160 (2) iaitu Perlembagaan Persekutuan, menakrifkan Orang Asli sebagai Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu. Mohd Yuszaidy et. al. (2021) memerihalkan masyarakat Orang Asli boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan besar iaitu Senoi, Negrito (*Semang*) dan Melayu Proto. Kajian ini merujuk kepada suku Semai dalam kumpulan Senoi yang tinggal di sepanjang sungai iaitu di Ulu-ulu Sungai Pahang dan Perak. Mengikut statistik banci Orang Asli pada tahun 2010 dalam catatan laporan Jabatan Kemajuan Orang Asli (2016:13), suku Semai merupakan kelompok terbesar dalam kumpulan Senoi dengan jumlah 51,437 orang mengikut pecahan bilangan kumpulan etnik dan negeri. Menurut Tambi (2000) mereka berpegang kepada kepercayaan animisme serta peninggalan nenek moyang terdahulu. Selaras dengan kenyataan itu, suku Semai dalam kalangan Orang Asli masih mengamalkan aktiviti berburu haiwan sebagai sumber makanan. Mohd. Sanusi et. al (2014) menjelaskan berburu merupakan aktiviti yang bersifat diwarisi dan amalan oleh generasi terdahulu. Menurut

Sali Bah Bola (2024), alat buruan yang terkenal bagi suku ini ialah buluh sumpitan kerana mereka telah diajarkan menyumpit sejak kecil lagi. Corak kehidupan mereka berhubung kait dengan alam sekitar yang menjadikan kelompok ini sudah terbiasa dengan hutan dan aktiviti memburu.

Namun, penggunaan alat jerat haiwan dalam aktiviti memungut hasil hutan dan berburu semakin terpinggir disebabkan kurangnya sambutan daripada generasi muda hari ini. Hal ini kerana generasi muda banyak yang telah berhijrah dan menerima perubahan serta perkembangan yang berlaku tanpa jangkauan citra kehidupan harian masyarakat mereka. Konsep mencari sumber rezeki juga telah diperluaskan dengan tidak berlandaskan sara diri atau berburu sahaja. Sali Bah Bola (2024) menyatakan bahawa generasi muda mereka ramai yang berhijrah ke kawasan bandar untuk mendapatkan pekerjaan. Secara tidak langsung, mereka telah beralih kepada cara hidup dan bentuk aktiviti baharu selari dengan masyarakat modenisasi yang telah menyebabkan penggunaan alat jerat haiwan semakin tergugat dan terancam. Manakala, peluang pekerjaan di bandar juga semakin meningkat, kaum lelaki khususnya ramai telah berhijrah sekali gus memberi persaingan kepada kelangsungan alat jerat haiwan. Lebih-lebih lagi, aktiviti berburu lazimnya dijalankan oleh kelompok lelaki dalam kalangan mereka. Generasi kini lebih mudah mendapatkan sumber rezeki secara tetap apabila bekerja di bandar dalam pelbagai sektor. Mereka dapat mengukuhkan sumber ekonomi keluarga dengan lebih baik. Perkembangan ini secara tidak langsung telah memberi kesan kurang baik kepada alat jerat haiwan yang semakin hari tidak dikenali lagi khususnya oleh generasi muda dalam masyarakat Orang Asli sebagai alat pemburuan dan warisan khazanah mereka. Tujuan penulisan ini adalah untuk menganalisis usaha pemuliharaan terhadap alat jerat haiwan Orang Asli suku Semai yang semakin hari tidak diketahui oleh masyarakat umum.

ORANG ASLI DI MALAYSIA

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) ditubuhkan bertujuan untuk melindungi Orang Asli dan cara hidup mereka daripada kepesatan perkembangan tamadun dan eksplotasi masyarakat luar disamping menyediakan kemudahan dan bantuan pendidikan, kesihatan dan pembangunan sosioekonomi. Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia dibahagikan kepada tiga suku kaum utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Pengkategorian Orang Asli dibuat berasaskan latar aktiviti hidup mereka (Jo Komar & W.A. Amir Zal, 2014). Kenyataan ini boleh dikaitkan dengan penulisan oleh Carey (1976) yang menjelaskan bahawa kumpulan Negrito dikaitkan dengan masyarakat nomad, memburu dan memungut hasil hutan. Kumpulan Senoi pula dikaitkan dengan aktiviti pertanian huma. Manakala, kumpulan Melayu Proto pula adalah mereka yang menetap di sebelah Selatan dan menjalankan aktiviti sebagai nelayan dan petani. Masyarakat Orang Asli dapat dikenal pasti perbezaannya melalui wilayah geografi dan penggunaan bahasa mereka.

Masyarakat Orang Asli Negrito merupakan kumpulan yang terkecil di Semenanjung Malaysia. Mengikut statistik taburan etnik Orang Asli pada tahun 2023 merujuk catatan Jabatan Kemajuan Orang Asli (2024), menunjukkan jumlah besar kumpulan Negrito adalah seramai 4,544 orang mengikut sub etnik dan negeri. Masyarakat ini memiliki ciri fizikal tubuh badan yang rendah, berkulit hitam dan berambut kerinting. Menurut Roslina (2024), masyarakat Orang Asli bersikap sangat pemalu apabila berjumpa dengan masyarakat lain selain daripada kelompok mereka. Masyarakat Negrito ini dikenali sebagai nomad kerana sering kali berpindah randah. Kebiasaannya perpindahan itu dilakukan atas faktor keselamatan dan kebergantungan sumber makanan mereka. Oleh itu, mereka akan menebang pokok dan membakar hutan untuk mendirikan kediaman baharu. Aktiviti memburu dan memungut hasil hutan dilakukan sebagai bekalan sumber makanan mereka.

Kedua, masyarakat Orang Asli Senoi merupakan kumpulan yang terbesar di Semenanjung Malaysia. Statistik taburan etnik Orang Asli pada tahun 2023 oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (2024) menunjukkan jumlah besar bilangan masyarakat Orang Asli Senoi adalah seramai 118,138 orang. Jumlah ini menunjukkan kumpulan Senoi menerajui peratusan terbesar dari jumlah keseluruhan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Kumpulan ini membina penempatan di sepanjang sungai di negeri Pahang dan Negeri Sembilan. Mereka membangunkan kawasan lembah sungai dengan aktiviti memburu haiwan dan bercucuk tanam. Masyarakat ini memiliki ciri fizikal bentuk tubuh yang tinggi berbanding suku lain, berkulit cerah sedikit dan rambut ikal, tidak terlalu keriting (Md. Akbal et.al. 2003). Menurut Sali Bah Bola (2024), suku Semai khususnya lebih dekat dengan sumpitan kerana alat ini sudah didedahkan sejak kecil dan dipraktikkan semasa menjelang dewasa dalam aktiviti memburu di hutan. Sehingga pada peringkat tertentu, mereka memiliki pelbagai jenis sumpitan yang berbeza kekuatan serta pembuatannya.

Seterusnya, masyarakat Melayu Proto atau Melayu Asli menduduki tingkat kedudukan kedua terbesar selepas kumpulan Senoi. Menurut keterangan Jabatan Kemajuan Orang Asli (2024), taburan etnik ini pada tahun 2023, didapati Melayu Proto terdiri daripada 6 pecahan sub etnik dengan jumlah besar bersamaan 90,531 orang. Mereka menetap di kawasan pantai, sungai dan berhampiran dengan penempatan etnik Melayu. Masyarakat ini memiliki ciri fizikal yang hampir sama dengan ciri fizikal masyarakat Melayu iaitu rambut mereka lurus dan panjang, ketinggian tubuh badan pula seperti orang Melayu dan warna kulit mereka ialah sawo matang. Keterbukaan dan keakraban orang Melayu Proto dengan masyarakat Melayu membolehkan wujudnya hubungan dua hala yang baik antara mereka. Didapati masyarakat Melayu Proto telah berasimilasi dengan cara hidup, kebudayaan dan sistem bahasa yang sama iaitu bahasa Melayu. Keadaan ini menyebabkan kumpulan ini dilihat berbeza dengan suku Negrito dan Senoi. Namun, masyarakat ini juga masih mengekalkan dan menjalankan aktiviti pemburuan haiwan menggunakan alat jerat tertentu yang diwarisi mereka sebagai sumber ekonomi, sosio budaya dan bekalan makanan mereka.

MASYARAKAT ORANG ASLI SUKU SEMAI DI GOMBAK

Orang Asli suku Semai merupakan suku kaum Senoi dan kumpulan terbesar dalam kalangan Orang Asli. Menurut Tambi (2000) berdasarkan sejarah, masyarakat Orang Asli ini dijelaskan berasal dari negara jiran Indo China dan menetap di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu. Kediaman mereka terletak di sepanjang sungai iaitu di Ulu-ulu Sungai Pahang dan Perak. Meskipun masyarakat ini mengamalkan cara hidup berpindah randah, namun kediaman asal mereka tidak ditinggalkan begitu sahaja. Dari aspek agama dan kepercayaan pula, masyarakat Orang Asli suku Semai mengamalkan cara hidup animisme. Mereka menggunakan khidmat Tok Halak bagi tujuan menghalau dan mengubati penyakit akibat daripada perbuatan makhluk halus (Tambi, 2000). Tok Halak bagi Orang Asli suku Semai adalah individu yang menerajui struktur sosial mereka. Tok Halak mempunyai kemampuan yang tinggi dalam ilmu jampi dan menjadi individu yang dirujuk oleh masyarakat setempat dalam kalangan Orang Asli suku Semai.

Sumber makanan bagi suku Semai adalah sama dengan kelompok masyarakat Orang Asli lainnya. Mereka mendirikan penempatan berdekatan sungai dan dikelilingi hutan alam semula jadi yang memudahkan mereka berinteraksi dengan alam untuk mendapatkan makanan. Antara makanan tersebut ialah hasil tangkapan ikan, tanaman ubi dan hasil buruan. Kesemua sumber makanan ini dijadikan sumber protein dan membentuk kecergasan mereka dalam menjalani rutin kehidupan seharian. Justeru, sumber makanan yang diperolehi daripada hasil hutan itu dimanfaatkan sebaiknya untuk dikongsi bersama ahli keluarga (Sali Bah Bola,

2024). Mereka juga pandai dalam seni kraf atau membuat hasil kerja tangan khususnya seni anyaman. Contohnya termasuklah tikar, nyiru, ambung untuk kegunaan harian mereka.

SOROTAN LITERATUR

Penulisan lepas mengenai pemuliharaan alat jerat haiwan Orang Asli kurang mendapat perhatian berbanding dengan kajian berkaitan pembangunan ekonomi dan asal usul mereka. Walaupun kajian mengenai pemuliharaan alat jerat haiwan sukar untuk diperolehi dan dijadikan rujukan, namun terdapat beberapa kajian lepas yang berkait rapat dengan alat jerat haiwan. Oleh itu, kajian lepas itu dapat diteliti keperluan dan kelompangannya agar berupaya menghasilkan idea serta menimbulkan persoalan kajian ini dilakukan. Manakala, kajian mengenai pemuliharaan juga dijadikan bahan rujukan bagi menjelaskan keperluan pemuliharaan itu dilakukan terhadap alat jerat haiwan masyarakat Orang Asli. Sehubungan dengan itu, perbincangan kajian lepas ini boleh dibahagikan kepada dua kata kunci iaitu pendekatan pemuliharaan termasuklah perundangan dan sosiobudaya merangkumi aspek amalan, kepercayaan, pantang larang dan cara hidup.

Penulisan mengenai pemuliharaan alat jerat haiwan masyarakat Orang Asli amat kurang dihasilkan. Namun masih terdapat penulisan berkaitan pemuliharaan alat jerat misalnya oleh Muhammad Haziq & Mohd Yuszaidy (2020), kajian mengenai “Pemuliharaan Jerat Sembat Orang Asli Suku Temuan di Kampung Gapam, Jasin, Melaka”. Penulisan dianalisis menggunakan kaedah pengembalian semula (*restoration*). Penulisan ini mendapati bahawa alat jerat yang digunakan suku Temuan juga adalah berbeza dengan suku Semai dalam penulisan ini.

Bahkan, kajian berkaitan pemuliharaan dalam aspek perundangan turut dikaji sebelumnya oleh Mohd Yuszaidy (2018) bertajuk “Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan dan Agensi Pelaksana di Malaysia” menekankan keperluan mewujudkan satu perundangan untuk memberi fokus kepada usaha pengekalan terhadap subjek warisan tidak ketara. Mohd Yuszaidy et.al., (2015) dalam “Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645): Penilaian Dari Aspek Perundangan dan Penguatkuasa” memperincikan berkaitan cadangan dalam usaha agar memastikan perlindungan kepada warisan budaya tidak ketara daripada pupus, rosak ataupun hilang. Mohd Yuszaidy et. al., (2013) dengan tajuk penulisan “Perlindungan Harta Warisan: Keberkesanan Usaha Pemuliharaan dan Pemeliharaan dalam Pembangunan Negara” telah membincangkan mengenai usaha penggubalan Akta Warisan Kebangsaan 2005 oleh pihak kerajaan terhadap warisan ketara dan warisan tidak ketara menunjukkan pembaharuan. Akta tersebut telah menyediakan peruntukan yang jelas bagi setiap warisan ketara dan warisan tidak ketara menerusi penerangan dalam fasal-fasal peruntukan termasuklah Senarai Warisan, Senarai Kebangsaan dan Daftar warisan Kebangsaan.

Seterusnya, penulisan menjurus kepada kata kunci kedua iaitu sosiobudaya oleh Siti Aminah (2015) iaitu mengenai “Kajian Amalan Budaya Orang Asli suku Kaum Jakun di Kampung Peta”. Kajian ini turut menjelaskan peralatan alat memburu yang dikenal pasti boleh dikomersialkan sebagai produk kraf yang melambangkan identiti masyarakat Orang Asli. Disamping itu, secara tidak langsung kajian ini juga dapat memberikan pendedahan kepada generasi muda berkaitan alat jerat haiwan dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang eksotik bernilai tinggi. Md. Akbal et.al. (2003) iaitu “Kenali Kami: Masyarakat Orang Asli di Malaysia”, memerihalkan sosio ekonomi atau jenis pekerjaan Orang Asli di Malaysia, turut membincangkan mengenai aktiviti memburu. Aktiviti memburu dalam kalangan Orang Asli diperihalkan berbeza mengikut sasaran haiwan yang hendak diburu. Artikel ini tidak bersandarkan kepada kerangka analisis yang jelas dan memberi gambaran umum tentang

aktiviti berburu serta tiga jenis alat jerat yang biasa digunakan mereka. Penulisan ini secara umum menjelaskan fungsi tiga jerat utama iaitu belantik, kennam dan ranjau. Walaupun terdapat persamaan dari segi subjek kajian, namun lokasi kajian Md. Akbal et. al (2003) dengan makalah ini adalah berbeza.

Namun begitu penulisan lepas berkaitan aktiviti memburu dalam konteks pantang larang juga telah dijalankan oleh beberapa pengkaji. Nafisiah Hajj Abdul Rahman (2001) menulis berkaitan “Adat dan Pantang Larang dalam Masyarakat Orang Asli Suku Semai”. Catatan kajian ini membincangkan mengenai pantang larang ketika menjalankan aktiviti pemburuan. Begitu juga, penulisan oleh Kirk Endicott (1979) yang mengkaji berkaitan “*Batek Negrito Religion: The World-View and Rituals of a Hunting and Gathering People of Peninsular Malaysia*”. Penulisan ini mengupas mengenai Orang Asli Batek terhadap cara pandang, kepercayaan mereka dalam memburu serta bermigrasi dari satu tempat ke satu tempat lainnya sehingga menjadi satu kelompok besar dalam komuniti mereka. Kirk juga memerihalkan kaedah pemburuan menggunakan sumpit dan jerat tertentu tetapi tidak secara terperinci kerana subjek perbincangan ini lebih fokus kepada haiwan yang hendak diburu dan kepercayaan serta pantang larang tertentu. Persamaan kajian lepas ini dengan makalah ini adalah dari aspek subjek kajian, namun suku kaum dan lokasi kajian berbeza, iaitu di kawasan tengah Semenanjung Malaysia (Kelantan, Terengganu dan Pahang) dan Gombak, Selangor.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bersifat etnografi. Pendekatan ini amat sesuai bagi memperolehi kutipan data yang diperlukan. Kaedah kajian lapangan dijalankan dengan menggunakan teknik pemerhatian terhadap model alat jerat haiwan yang sedia ada. Selain itu, kaedah temu bual berfokus telah diaplikasikan terhadap beberapa individu yang berwibawa dan berautoriti dalam masyarakat mereka. Mereka merupakan penggiat dan individu yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pembuatan alat jerat haiwan. Kajian lapangan dijalankan di Kampung Batu 16, Gombak, Selangor selama dua hari. Kaedah temu bual ini menggunakan soalan berbentuk separa struktur dan berubah-ubah mengikut keadaan serta keperluan sepanjang lapangan dijalankan. Secara tidak langsung, kedua-dua kaedah ini menghasilkan data yang bersifat primer. Kajian ini banyak memperolehi data daripada sumber asas kerana masih belum terdapat penulisan khusus tentang pemuliharaan alat jerat suku Semai di Gombak, berbanding penulisan umum berkaitan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Selain itu, bagi menyokong data primer yang telah diperolehi semasa lapangan, kajian kepustakaan turut dijalankan bagi menghasilkan data bersifat sekunder. Data ini penting dalam membantu menjelaskan mengenai latar belakang, susur galur dan lokasi kajian yang telah dipilih sebelumnya. Data-data sokongan ini dapat diperolehi daripada pelbagai sumber sama ada berbentuk bahan cetakan mahu pun secara atas talian. Sumber cetakan boleh diperolehi seperti buku dan jurnal. Sementara, sumber atas talian pula ialah Google Scholar dan Researchgate. Instrument lainnya dengan penggunaan catatan buku nota, alat rakaman audio dan kamera digital. Kemudian, data yang dikumpul akan menjalani proses saringan bagi menghasilkan penemuan baru.

Rentetan daripada itu, data primer dan sekunder akan menjalani proses saringan untuk merekod serta mengumpulkan data yang jitu dan sahih. Proses saringan data ini menggunakan teknik yang sesuai iaitu tematik. Teknik analisis kandungan dan bacaan rapi dijalankan bertujuan untuk memastikan data-data yang telah diperolehi adalah benar-benar dan sahih bagi menjelaskan penemuan baharu kepada kajian ini. Proses penyaringan ini dilakukan secara teliti dan terperinci supaya hasil dapatan itu boleh menjelaskan mengenai objektif yang perlu dicapai. Tuntasnya, data penemuan baharu ini bukan sahaja dapat menjawab mengenai objektif


kajian, bahkan dibincangkan untuk menjelaskan mengenai hasil kajian penulisan ini secara keseluruhannya.

KONSEP PEMULIHARAAN

Abdul Aziz Hussin (2011) menjelaskan bahawa konsep pemuliharaan adalah usaha memelihara sesebuah warisan dan sumber alam semula jadi yang hampir pupus bagi berlakunya kemusnahan supaya generasi seterusnya dapat menikmati menerusi perancangan dan pengurusan sistematik. Pemuliharaan melibatkan kerja-kerja yang cuba mengekalkan keadaan asal sesebuah warisan sejarah seperti mana yang asal dan dapat mengekalkan kepentingan kebudayaannya. Menurut A Ghafar Ahmad (2010) pemuliharaan merupakan satu proses menjaga dan mengawasi sesebuah bangunan warisan daripada dimusnahkan atau dibaik pulih tanpa perancangan dan pengurusan yang sistematik. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) menjelaskan bahawa pemuliharaan terdiri daripada beberapa pecahan atau kategori. Antaranya termasuklah, pemeliharaan, pembaikpulihan, pembinaan semula, pemulihan dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya.

Dengan itu, konsep pemuliharaan dengan pendekatan usaha pengekalan adalah amat sesuai dengan kajian ini. Kajian ini telah mengaplikasi konsep pemuliharaan untuk menghuraikan alat jerat haiwan masyarakat Orang Asli, suku Semai dalam konteks usaha pemuliharaan dan pengekalan warisan. Tujuan utama pemuliharaan dalam kajian adalah untuk menjaga kepentingan budaya iaitu alat jerat haiwan ini agar dapat diteruskan serta dikekalkan menerusi kaedah pemuliharaan yang bersesuaian dan bertepatan. Pengekalan warisan masyarakat Orang Asli berkaitan alat jerat haiwan ini secara tidak langsung memberikan pendedahan kepada generasi kini dan seterusnya agar dapat mengenali serta mempraktikkan warisan ini dalam kehidupan mereka.

Kaedah pemuliharaan telah dipilih dengan merujuk kepada beberapa faktor seperti peranan organisasi, dokumentasi, penglibatan komuniti dan akta perundangan yang bersesuaian. Kaedah ini adalah ulasan menyeluruh mengenai usaha pemuliharaan itu dijalankan ke atas masyarakat Orang Asli dalam konteks alat jerat haiwan. Kaedah pemuliharaan ini mempunyai kebergantungan antara satu sama lain bagi memastikan pengekalan itu dapat direalisasikan. Tuntasnya, keempat-empat faktor ini menyumbang kepada kelestarian alat jerat haiwan masyarakat Orang Asli suku Semai dipuliharakan.



RAJAH 1. Kerangka konseptual pemuliharaan alat jerat haiwan Orang Asli suku Semai

ALAT JERAT SUKU SEMAI

Kajian yang dilaksanakan mendapati alat jerat haiwan yang utama dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku Semai terdiri daripada tiga jenis iaitu perangkap belantik, jerat meriang dan jerat bakoq. Ketiga-tiga jenis alat jerat ini pula menjelaskan kegunaannya di lokasi yang berbeza iaitu di darat, sungai dan atas pokok. Pemerincian jenis-jenis alat jerat memperjelaskan peranan pihak tertentu untuk memulihara kearifan tempatan masyarakat Orang Asli dan menitikberatkan kewajaran perundangan dalam aktiviti pemburuan haiwan pada masa kini.

Jenis Alat Jerat

Jerat berperanan sebagai ikatan tali yang hujungnya disimpulkan sehingga dibentuk menjadi bulat untuk menjerut atau menangkap haiwan bersaiz kecil dan burung (Muhammad Haziq & Mohd Yuszaidy, 2020). Jerat berfungsi sebagai peralatan yang digunakan untuk menangkap haiwan kecil dan besar sebagai sumber makanan. Jerat haiwan boleh dikategorikan kepada dua jenis iaitu jerat dan perangkap. Jerat merujuk kepada alat jerat yang diperbuat menggunakan rotan dan bertujuan hanya untuk menjerut atau mendapatkan tangkapan haiwan itu secara hidup. Manakala, perangkap pula merujuk kepada alat jerat bersaiz besar dengan sasarannya adalah haiwan bersaiz besar seperti harimau dan babi hutan. Namun, kedua-dua membawa takrifan yang sama iaitu sebagai alat jerat haiwan. Menurut Sali Bah Bola (2024), perangkap seperti belantik atau *dark* menyebabkan kematian kepada haiwan berkenaan kerana tikaman perangkap itu sasarannya tepat ke jantung.

Variasi jenis, bentuk dan rupa alat jerat haiwan yang dihasilkan oleh masyarakat Orang Asli mengambil kira saiz dan haiwan yang hendak ditangkap serta pengaruh persekitarannya. Jenis haiwan yang diburu pula bergantung pada tujuan aktiviti ini dijalankan. Sebagai contoh, bagi tujuan sumber makanan, perubatan dan kulit haiwan sebagai pembuatan alat muzik dan pakaian. Antara jenis-jenis alat jerat dan perangkap bagi suku Semai ialah perangkap belantik, jerat meriang dan jerat tupai atau bakoq.

Perangkap Belantik

Perangkap belantik merupakan sejenis perangkap yang terkenal di daratan. Hal ini kerana, jerat ini sering kali digunakan oleh pemburu haiwan yang arif dengan selok belok kawasan hutan belantara. Belantik dikenali dengan nama lain iaitu *dark* merujuk kepada kemampuannya menikam terus ke jantung dan boleh mengundang maut. Menurut, Sali Bah Bola (2024) saiz jerat ini adalah bermula dari seekor tikus sehinggalah kepada sebesar gajah. Lebih kurang dua kilometer daripada kawasan belantik itu dipasang, seharusnya ada di pasang tanda isyarat terlebih dahulu. Lazimnya berbentuk simbol-simbol tertentu, umumnya bagi Orang Asli mereka sudah memahami maksud sistem tanda itu.

Tambahnya lagi, perlu diketahui pada hari ini bukan Orang Asli yang akan masuk ke hutan. Orang Asli sudah ramai berhijrah dibawa keluar daripada hutan, bekerja di bandar. Sebaliknya orang luar yang akan kerap kali masuk ke hutan, mereka masuk ke hutan biasanya untuk tujuan bercuti dan mengadakan aktiviti seperti *jungle tracking*. Sudah pastinya penyelidikan seperti ini telah membantu menjamin keselamatan mereka. Bahkan, pemasangan alat perangkap belantik ini juga perlu mengambil kira dua perkara iaitu keizinan daripada ketua kampung mereka dan kesesuaian kawasan. Kegagalan mematuhi asas utama sebelum pemasangan belantik menyebabkan individu tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang atau didakwa atas kecuaiannya dan memudaratkan keselamatan orang awam khususnya.



GAMBAR 1. Perangkap Belantik atau *Dark*
Sumber: Muzium Orang Asli Gombak

Jerat Meriang

Jerat meriang atau dengan nama lainnya iaitu marik merupakan sejenis perangkap ikan yang besar dipasangkan di sungai. Jerat meriang lazimnya dipasangkan hanya sekali dalam setahun. Menurut, Sali Bah Bola (2024) bagi orang Ulu, upacara pemasangan perangkap ikan ini untuk menunjukkan kehebatan seseorang individu. Tujuan utama pemasangan alat jerat meriang ini adalah untuk mendapatkan sebanyak mungkin tangkapan ikan selar. Hal ini kerana, mereka akan mengadakan majlis keramaian setahun sekali seperti lazimnya masyarakat Melayu menyambut Hari Raya Aidilfitri. Namun begitu, mereka juga akan memasang jerat meriang ini sekiranya padi huma di ladang sudah menunjukkan hasil untuk dituai. Maka, mereka hanya perlu memikirkan lauk pauk iaitu menerusi pemburuan termasuklah memasang jerat meriang untuk mensasarkan tangkapan ikan di sungai.

Bukan itu sahaja, tambahnya setiap tahun bermula daripada bulan Disember sehingga Jun ke depannya, ikan akan naik ke hulu. Upacara ini ditanggapi bersifat musiman dan mereka mula mempersiapkan alat jerat ini kerana memakan masa yang lama kerana saiznya yang besar. Saiz meriang ini anggarannya tidak kurang daripada lima puluh kaki sepanjang buluh atau pun seratus kaki, jika buluh itu dipasangkan secara bersambungan atau berpasangan. Manakala, lebarnya tidak kurang daripada dua puluh kaki. Jerat ini juga memakan masa kira-kira dua hingga tiga bulan untuk disiapkan. Oleh itu, pembuatan jerat ini memerlukan tenaga manusia yang ramai dan gotong-royong orang sekampung.

Tambah Sali Bah Bola (2024), alat jerat ini adalah yang paling ceria dan hidup di sungai kerana kemeriahan, penglibatan orang kampung dan hasil darinya dikongsikan bersama. Tetapi, perlu difahami juga bahawa kekurangan ikan dan musim antara faktor lain mengapa penggunaan jerat ini tidak dijadikan rutin. Lantaran, bahan-bahan, ruang masa, tenaga dan musim juga mempengaruhi kitaran penggunaan jerat meriang hanya dipraktikkan sekali dalam setahun sahaja. Ini membuktikan jerat meriang mengambil kira pelbagai aspek sebelum dijalankan merangkumi jumlah peserta yang ikut serta dalam pembuatan, musim upacara itu akan diadakan dan kemudahan mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan.



GAMBAR 2. Alat Jerat Meriang atau Marik
Sumber: Muzium Orang Asli Gombak

Jerat Tupai atau Bakoq

Jerat tupai atau bakoq dalam sebutan suku Semai merujuk kepada perangkap yang digunakan untuk menangkap haiwan jejangkit seperti tupai dan lutong. Bakoq berfungsi untuk menjerat haiwan tangkapan dan tidak mematikan. Bahan-bahan asas alat jerat ini sepenuhnya menggunakan rotan. Proses pembuatan jerat bakoq ini biasanya merangkumi proses mencari bahan, penyediaan dan pembuatan. Proses ini tidak merbahaya kepada orang sekitar tetapi berisiko kepada si pemasang. Menurut Sali Bah Bola (2024), si pemasang jerat itu harus memanjat pokok untuk mendapatkan tangkapannya. Ini bermaksud, orang yang memasang alat jerat ini berdepan dengan risiko keselamatan kerana perlu memanjat dan berdiri di atas dahan pokok. Kebiasaannya, tangkapan seperti tupai dan lutong dibuat di pokok gempas dan pokok merbau. Terpulang kepada kecekapan individu itu bagaimana dia memasang jerat tersebut dan kaedah menangkapnya. Ini kerana, sedikit kesilapan sahaja boleh menyebabkan si pemburu atau pemasang jerat terjatuh dari atas pokok. Oleh itu, mereka yang pakar lazimnya sudah arif dengan kaedah memasang jerat ini kerana memerlukan teknik bertepatan.



GAMBAR 3. Alat Jerat Tupai atau Bakoq
Sumber: Muzium Seni Kraf Orang Asli, Kuala Lumpur

PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada analisis jelas menyatakan alat jerat perlu dikekalkan dan dipuliharkan. Keperluan ini adalah untuk memastikan alat jerat itu dapat dikenali oleh generasi muda terutamanya peringkat kanak-kanak. Oleh itu, hasil dapatan alat jerat seperti belantik, meriang dan bakoq dibincangkan mengikut konseptual yang telah dirangka untuk mencapai objektif kajian. Warisan budaya melambangkan jati diri dan imej latar belakang sesuatu kaum yang menyerlahkan keunikan mereka. Masyarakat Orang Asli suku Semai umumnya kaya dengan kepelbagaian budaya yang berupaya membuktikan kearifan tempatan mereka misalnya melalui seni kraf, pembuatan dan aktiviti ekonomi atau perniagaan. Dengan itu, usaha pemuliharaan warisan kebudayaan lazimnya memerlukan peranan pelbagai pihak selain dimensi kesedaran komuniti khususnya.

Peranan Organisasi

Merujuk kepada pelan strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) pada tahun 2016 sehingga 2020 dengan fokus seni, budaya dan warisan. Teras strategik ini bertujuan untuk memelihara dan mengetengahkan seni, budaya dan warisan Orang Asli. Catatan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (2016) menunjukkan berlakunya beberapa program ke arah usaha pemuliharaan itu dijalankan. Antara program berkenaan ialah penerbitan buku, melahirkan penulis buku Orang Asli, karnival kebudayaan Orang Asli dan muzium Orang Asli sebagai sumber rujukan utama. Ini membuktikan bahawa pihak pengurusan bersama-sama kerajaan dapat berganding bahu dalam usaha memelihara dan mengekalkan warisan seni dalam kalangan generasi muda. Afni Aqikah Bair & Mohd Yuszaidy (2024) menekankan bahawa kekuatan agensi kerajaan dapat membantu menyemarakkan lagi warisan seni dan budaya yang melibatkan masyarakat luar adalah sangat digalakkan. Menerusi pelan strategik dari pihak JAKOA ini, menunjukkan berlakunya hubungan atau rakan kerjasama bagi memastikan usaha pemuliharaan seni, budaya dan warisan Orang Asli itu tercapai. Contohnya, melibatkan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), institut pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS), GAPENA, muzium-muzium negeri, Tourism Malaysia, Radio Televisyen Malaysia (RTM), NGO dan Badan Korporat tertentu. Hasilnya, pemuliharaan dapat meninggalkan impak yang positif secara multidimensi. Penekanan kepada usaha memelihara dan mengekalkan itu mendapat platform utama melahirkan penulis dan generasi yang arif berkaitan kearifan tempatan masyarakat Orang Asli Semai secara mendalam.

Jabatan Muzium Negara (JMM) telah diangkat sebagai institusi peneraju profesionalisme pemuziuman negara bertaraf global. Menurut Asmawi (2024) muzium berperanan sebagai institusi yang berperanan menjadi tempat rujukan menerusi pengumpulan data, pemuliharaan dan pengekalan sejarah dan kebudayaan masyarakat pelbagai kaum termasuklah masyarakat Orang Asli. Tambah beliau, banyak usaha atau pendekatan dilakukan agar masyarakat Orang Asli khususnya dikenali cara hidup dan kebudayaannya. Roslina (2024) juga memberikan pandangan yang sama bahawa usaha-usaha seperti pameran bergerak dan bengkel merupakan antara kerja-kerja yang dijalankan oleh pihak muzium agar Orang Asli dikenali masyarakat luar. Pada 18 Mei 2024 bertempat di Muzium Seni Kraf Orang Asli, Kuala Lumpur bersempena Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024 telah memberikan banyak pendedahan berkaitan sosiobudaya dan sumber ekonomi Orang Asli Semai secara langsung. Ini membolehkan khalayak dapat memahami corak hidup dan kronologi susur galur Orang Asli termasuklah seni kraf mereka.

Pendokumentasian

Bukan itu sahaja, pemuliharaan dapat dilakukan melalui pendokumentasian iaitu dengan melakukan penyelidikan. Penyelidikan baharu sudah pastinya menyumbang kepada cabang ilmu warisan dan budaya terutama subjek berkaitan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Penyelidikan yang dilakukan sekali gus memberikan galakkan kepada penyelidik dan membentuk penulis merealisasikan usaha pemuliharaan menerusi penulisan, pendigitalan dan pekekalan. Bahan rujukan yang menyeluruh ini membolehkan pembaca mendapatkannya dengan mudah sama ada menerusi laman sesawang mahupun dalam bentuk medium elektronik atau bercetak. Menurut Roslina (2024), pihak muzium juga turut berharap dapat memperbaiki kaedah interpretasi bahan pameran secara digital sesuai mengikut perkembangan semasa yang lebih canggih dan terkini. Dengan itu, pendokumentasian secara menyeluruh membolehkan ilmu baharu berkaitan Orang Asli dapat dikongsikan dengan masyarakat sejagat dengan tempoh masa yang berterusan. Contohnya, penulisan buku, makalah, jurnal, persidangan dan dokumentasi digital. Jelaslah bahawa, pendokumentasian lebih efisien kerana sifatnya yang kekal dan multidimensi.

Sali Bah Bola (2024) menjelaskan bahawa perlu diketahui pada hari ini bukan Orang Asli yang akan masuk ke hutan. Orang Asli sudah ramai berhijrah daripada hutan, bekerja di bandar. Sebaliknya, aktiviti di hutan masih mendapatkan sambutan dalam kalangan masyarakat luar. Mereka masuk ke hutan biasanya untuk tujuan bercuti atau *jungle tracking*. Sudah pastinya penyelidikan seperti ini telah membantu melindungi keselamatan mereka. Misalnya, pemasangan alat jerat belantik yang boleh memudaratkan keselamatan orang awam. Ilmu berkaitan alat jerat sewajarnya dikongsikan secara meluas. Menurut Liliy Salwani & Shaiful Bahri (2019) sumber maklumat kebiasaannya diperolehi melalui penyampaian secara lisan dari generasi ke generasi. Oleh itu, pendokumentasian sebagai usaha yang baik kerana boleh mengelakkan berlakunya keciciran maklumat dan terus dibukukan atau diterbitkan bagi rujukan pada masa hadapan. Kesannya, usaha ini dapat melahirkan generasi muda mengenali jenis, bentuk dan fungsi alat jerat haiwan.

Penglibatan Komuniti

Interaksi dengan komuniti setempat perlu dilaksanakan oleh organisasi tertentu termasuklah NGO atau *Non-governmental Organization* selaras dengan keahliannya yang menekankan konsep sukarela. Interaksi ini bertujuan untuk memupuk kesedaran berkaitan impak melestarikan, mengenali nilai warisan serta secara tidak langsung dapat melibatkan masyarakat Orang Asli dalam usaha pemuliharaan. Kerjasama dan peranan komuniti setempat khususnya masyarakat Orang Asli itu sendiri amatlah diperlukan. Bengkel-bengkel dan pameran yang diadakan perlu melibatkan komuniti ini secara langsung. Hal ini kerana, mereka merupakan sumber primer dan rujukan awal. Misalnya, dalam penggunaan alat jerat haruslah disertai penggiat itu sendiri yang mengamalkan dan membuat produk budaya berkenaan. Sesi perkongsian ilmu menjadi lebih efisien menerusi pemerhatian dan ikut serta mereka. Demonstrasi juga mendapat sambutan untuk dipertontonkan kepada khalayak umum sebagai nilai tambah dan ilmu baharu. Program berbentuk pendidikan ini berperanan menyampaikan ilmu dan menanamkan rasa cinta atau kesedaran dalam kalangan komuniti terhadap pentingnya memulihara warisan budaya serta bangga dengan kearifan mereka.

Pemuliharaan alat jerat haiwan masyarakat Orang Asli suku Semai juga menitikberatkan peranan dan sumbangan penggiat. Penggiat kebiasaannya merupakan individu yang sudah lewat usia. Bantuan inisiatif kewangan sewajarnya diberikan untuk mengurangkan

beban kos sara diri mereka. Selain itu, pihak yang bertanggungjawab boleh menawarkan kemudahan lain dalam khidmat mereka seperti perkhidmatan kesihatan seumur hidup. Bantuan inisiatif merupakan langkah awal dan galakan kepada penggiat seni warisan ini agar meneruskan tradisi alat jerat tersebut. Program latihan juga boleh diberikan kepada generasi muda sebagai penerus warisan tersebut. Apabila jiwa dan semangat generasi baru dapat diselami dan menerapkan penghayatan berkaitan kepentingan warisan ini, maka mereka juga akan berminat untuk mempelajarinya.

Terbaharu menerusi program yang dianjurkan oleh Muzium Seni Kraf Orang Asli dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) iaitu Magis Belantara 2024 pada 10 Ogos 2024 sehingga 11 Ogos 2024 yang mempamerkan pelbagai aktiviti menarik termasuklah demonstrasi pembuatan dan aktiviti menyempit, anyaman, ukiran topeng, baju kulit kayu dan sebagainya. Peluang keemasan ini membolehkan komuniti setempat mengenali masyarakat Orang Asli serta mengambil bahagian dalam menyertai aktiviti yang disediakan. Misalnya, bermain alat permainan tradisional suku kaum Semai, mengenali baju kulit mereka serta alat sumpit. Ini membuktikan penglibatan komuniti setempat dan masyarakat Orang Asli khususnya dilihat berjaya kerana pendekatan ini bukan sahaja berkonsepkan ilmu bahkan memupuk kesedaran komuniti terhadap keunikan warisan budaya mereka yang eksotik bernilai tinggi.



GAMBAR 4. Interaksi Komuniti Setempat Ikut Serta Demonstrasi Permainan Tradisional Masyarakat Orang Asli Suku Semai
Sumber: Kajian Lapangan 2024

Perundangan

Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)

Perlembagaan Persekutuan dengan matlamat menjaga Kebajikan Orang Asli ada disenaraikan dalam butiran 16, Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan. Perkara mengenai kebajikan Orang

Asli berada dibawah bidang kuasa legislatif dan eksekutif Persekutuan. Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) digubal bagi mengadakan peruntukan bagi perlindungan, kesejahteraan dan kemajuan Orang Asli. Jelas diperuntukkan dalam preamble Akta 134 yang memperuntukkan seperti berikut, “*An act to provide for the protection, well-being and advancement of the aboriginal people of West Malaysia*”, (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2016). Memelihara warisan tidak ketara adalah tanggungjawab dan peranan banyak pihak. Pengekalan warisan kearifan tempatan Orang Asli dalam penghasilan alat jerat haiwan memberikan banyak faedah dan rujukan generasi akan datang. Oleh itu, pihak kerajaan telah menguatkuasakan beberapa undang-undang yang sedia ada dan digubal untuk mengatasi masalah kepupusan penggunaan alat jerat haiwan bagi masyarakat Orang Asli.

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) telah digubal pada Januari 2005 sebagai menggantikan Akta Harta Benda purba 1976 (Akta 168) dan Akta Harta Karun 1957 (Akta 524). Sebelum adanya akta warisan (Akta 645) didapati tidak ada satu pun akta dan enakmen yang sedia ada dapat melindungi dan memelihara warisan budaya (Mohd Yuszaidy et.al, 2011). Akta 645 jelas menyatakan tanggungjawab dan peranannya dalam bidang pemuliharaan dan pemeliharaan warisan. Selain itu, Akta 645 merupakan undang-undang yang boleh menjana penyelidikan dan promosi pelbagai aspek berkaitan harta warisan (Abdul Aziz Hussain 2011). Bidang pemuliharaan dan pemeliharaan harta warisan meliputi semua yang berkaitan dengan warisan seperti warisan budaya ketara, warisan budaya tidak ketara, warisan semula jadi, warisan di bawah air dan tokoh orang hidup yang berkaitan dengan warisan. Bermakna setiap sesuatu yang diterima secara turun-temurun oleh seseorang atau kelompok masyarakat terdahulu dikelaskan sebagai warisan yang perlu dilindungi, dipulihara dan pelihara, (Mohd Yuszaidy et.al. 2013)

Seksyen 60 turut ada menerangkan mengenai pemuliharaan warisan tidak ketara. Alat jerat haiwan tidak terkecuali sebagai warisan tidak ketara. Dalam seksyen 60 (1) Akta Warisan Kebangsaan 2015 dan 2016 menerangkan bahawa keperluan pemilik warisan kebudayaan tidak ketara mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membangunkan, mengenal pasti, menghantar, menyebabkan dilaksanakan dan memudahkan penyelidikan warisan tidak ketara mengikut garis panduan dan tatacara yang telah ditetapkan. Seksyen 60 ini berperanan untuk membantu memberi pemuliharaan terhadap warisan. Peruntukan ini menjamin warisan tidak ketara seperti alat jerat haiwan tidak mengalami kerosakan, kemusnahan dan kehilangan akibat tindakan manusia, haiwan dan iklim.

Seksyen 113 turut memainkan peranan bagi menjaga alat jerat haiwan ini daripada dihapuskan atau dimusnahkan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab. Denda atau peruntukan ini akan menjatuhkan hukuman ke atas individu sama ada secara sengaja atau tidak terhadap objek warisan. Denda yang dikenakan tidak melebihi lima puluh ringgit dan penjara selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali bergantung kepada keputusan mahkamah (Mohd Yuszaidy & Muammar Ghaddafi, 2015). Hukuman ini dianggap sebagai langkah mencegah perbuatan menyalahi undang-undang dan melindungi objek warisan daripada penghapusan.

KESIMPULAN

Masyarakat Orang Asli terutamanya Orang Asli suku Semai mempunyai kearifan tempatan dalam aktiviti memburu. Kehidupan berlatar belakangkan di pinggir hutan dan kawasan tepi sungai membentuk jiwa mereka memahami serta menghayati fungsi alam semula jadi dengan baik. Mereka juga berpegang teguh kepada pantang larang tertentu dan amat percaya pelanggaran tersebut memberikan kesan yang kurang baik ke dalam kehidupan harian mereka. Hal ini menyebabkan mereka sentiasa mematuhi pantang larang semasa berburu dengan lebih berhati-hati dalam berinteraksi dan berkomunikasi dengan alam. Misalnya, jika hendak berburu perlu menjaga niat iaitu tidak menyebutkan lokasi pemburuan tersebut. Mereka percaya pemburuan tersebut tidak akan memperolehi hasil seperti yang diinginkan. Sebaliknya, keluarlah ke hutan mencuba nasib secara tertib dan beretika. Secara keseluruhannya, menerusi perbincangan ini alat jerat haiwan jelas perlu dikekalkan dan dipuliharkan agar masyarakat luar mengenali alat jerat haiwan sejak peringkat kanak-kanak lagi.

Peredaran masa dan peralihan zaman tanpa sedar telah memberi kesan terhadap penggunaan alat jerat haiwan. Hal ini demikian kerana, perangkap atau alat jerat haiwan tradisional telah mengalami kepupusan dan hilang. Dengan itu, usaha pemuliharaan yang dilakukan ke atas perangkap belantik, jerat meriang dan jerat tupai atau bakoq dapat mengekalkan identiti dan pemuliharaan alat jerat tradisional mereka. Oleh itu, pendekatan kaedah pemuliharaan merujuk kepada beberapa faktor seperti peranan organisasi, dokumentasi, penglibatan komuniti dan akta perundangan membolehkan generasi muda Orang Asli suku Semai dapat mempraktikkan semula dan mempelajari fungsi alat jerat haiwan tradisional yang tidak berbahaya untuk kehidupan seharian mereka. Sumbangan kajian ini sangat penting kerana masyarakat luar yang tidak mengetahui alat jerat tradisional suku Semai dapat memanfaatkannya sebagai sumber pengetahuan baharu. Kajian ini bukan sahaja membuktikan kearifan tempatan masyarakat Orang Asli khususnya suku Semai, bahkan boleh dijadikan rujukan pada masa akan datang.

RUJUKAN

- A Ghafar Ahmad. 2010. *Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia: Pengalaman dan Cabaran Masa Hadapan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Aziz Hussin. 2011. *Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Afni Aqikah Bair & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2023. Pemuliharaan Permainan Tradisional Kuit Etnik Kedayan di Sarawak. Dlm. Zubir Idris, Muhd Norizam Jamian & Yusmilayati Yunos (pnyt.). *Warisan Melayu dalam Multidimensi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 155-172.
- Asmawi bin Mohamed Yunos. 2024. Ketua Muzium Seni Kraf Orang Asli di Kuala Lumpur. Temu bual, 18 Mei, 23 Mei & 10 Ogos.
- Carey. 1976. *Orang Asli The Oboriginal Tribes of Peninsula Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. 2016. *Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli 2016/2020*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. 2024. Jadual Taburan Etnik Orang Asli Mengikut Negeri. <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/taburan-etnik-orang-asli-mengikut-etnik-subetnik-mengikut-negeri/>. [27 Februari 2024].

- Jo Komar & W. A. Amir Zal. 2014. *Adat Orang Asli Suku Temuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kirk Endicott. 1979. *Batek Negrito Religion: The World-View and Rituals of a Hunting and Gathering People of Peninsular Malaysia*. Oxford: Clarendon Press.
- Liliy Salwani Razali & Shaiful Bahri Md Radzi. 2019. Puisi lisan: Pemerkasaan warisan bangsa Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 234-277.
- Md. Akbal bin Abdullah & Abdul Talib bin Bon. 2003. *Kenali Kami: Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Batu Pahat: Penerbit KUiTTTHO.
- Mohd. Sanusi, M., Traeholt, C., Khadijah-Ghani, S.A., Simson, B., Shukor M.N. & RovieRyan, J. Jeffrine. 2014. Evolusi projek konservasi tapir Malaya. *Journal of Wildlife and Parks* (2014), 29, 49-53.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab Samad Kechot. 2011. Akta Warisan Kebangsaan 2005: Tinjauan Sepintas Lalu. *Jurnal Melayu*, (8), 173-181.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab Samad Kechot. 2013. Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 9(2), 64-77.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddafi bin Hanafiah. 2015. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645): Penilaian dari aspek perundangan dan penguatkuasa. *Jurnal Melayu*, 16(2), 202-223.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2018. Pemuliharaan warisan budaya melalui perundangan warisan dan agensi pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 143-159.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Suffian Mansor, Karim Harun & Mohamad Rodzi Abd Razak. 2021. Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian terhadap pemuliharaan cerita lisan. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 17(2), 355-365.
- Muhammad Haziq Mohd Rohir & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2020. Pemuliharaan Jerat Sembat Orang Asli Suku Temuan di Kampung Gapam, Jasin, Melaka. *Jurnal Melayu*, Isu Khas (Disember), 663-679.
- Nafisiah Hajj Abdul Rahman. 2001. Adat dan Pantang Larang dalam Masyarakat Orang Asli Suku Semai. *Gading*, 6(1&2), 203-225.
- Roslina binti Ismail. 2024. Pegawai Muzium Orang Asli, Gombak. Temu bual, 21 Mac.
- Sali Bah Bola. 2024. Penggiat Seni Kraf Berbangsa suku Semai di Kampung Batu 16, Gombak. Temu bual, 27 Mei & 28 Mei.
- Siti Aminah binti Mohd Sam. 2015. Kajian amalan budaya Orang Asli suku kaum Jakun di Kampung Peta. Tesis Ijazah Sarjana, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Tambi bin Yin. 2000. *Kebudayaan Adat Resam dan Pantang Larang Masyarakat Orang Asli Kaum Jakun dan Semai*. Pahang: Institut Pendidikan Guru Tengku Ampuan Afzan.

Biodata Penulis:

Nordiana Mosum lulusan Sarjana Falsafah dalam bidang budaya dan etnik di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian beliau tertumpu pada aspek kepercayaan, ritual dan warisan budaya.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (PhD) adalah Pensyarah Kanan Sosiobudaya dan Pengajian Warisan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial

dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian beliau tertumpu pada masyarakat dan budaya Melayu, muzium, warisan tidak ketara dan folklor.

Muammar Ghaddafi Hanafiah (PhD) adalah Pensyarah Kanan Peradaban dan Pemikiran Melayu Islam di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian beliau tertumpu pada budaya peradaban dan falsafah masyarakat Melayu Islam.